

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 JULY 2017

Hasrat tanding di Pekan hanya kenyataan populis Tun M

BH - 24/7/2017
pg. 6

➔ Kenyataan Dr Mahathir sebagai
angan-angan kosong, cari publisiti

Oleh Amin Ridzuan Ishak
dan Mohd Zulkifli Zainuddin
bhnews@bh.com.my

✦ **Lipis**

Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad menyuarakan hasrat menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Parlimen Pekan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) disifatkan sebagai kenyataan populis semata-mata.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata kenyataan Pengerusi Parti Pribumi Malaysia (PPBM) itu tidak lebih kepada usaha meraih populariti.

"Saya cabar Tun M bertanding di Pekan. Saya serta Datuk Seri Dr

Ahmad Zahid Hamidi akan bersama Perdana Menteri, untuk mempertahankannya," katanya kepada media selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Cameron Highlands di FELDA Sungai Koyan, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Cameron Highlands, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Pekan kubu kuat PM

Hishammuddin yang juga Menteri Pertahanan, mengulas laporan media mengenai kesediaan Dr Mahathir mewakili gabungan pembangkang bertanding di Pekan bagi menentang Najib yang sudah menjadi wakil rakyat kawasan itu sejak 41 tahun lalu.

Di Kota Bharu, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed, menyifatkan kenyataan Dr Mahathir sebagai angan-angan kosong dan menempah 'maut' kerana Pekan adalah kubu kuat Perdana Menteri.

"Realitinya kita tidak kental (dengan tindakan Dr Mahathir) untuk bertanding di Pekan kerana UMNO sendiri kini dilihat semakin mantap, selain mendapat sokongan rakyat yang semakin meningkat setiap hari," katanya ketika ditemui di Majlis Sambutan Raya Majlis Sukan (MSN) Kelantan semalam.

Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh, menyifatkan kenyataan Dr Mahathir mahu bertanding di Parlimen Pekan hanyalah semata-ma-

Info

Usul UMNO Bahagian Cameron Highlands

→ **Meminta pemilihan** calon tidak lagi berpandukan kuota parti tetapi meletakkan calon boleh menang dan boleh berkhidmat kepada semua kaum tidak mengira bangsa, dan agama di Cameron Highlands

→ **Meminta pucuk** pimpinan memberi laluan dan ruang kepada UMNO mewakili Barisan Nasional (BN) untuk bertanding di kerusi Parlimen Cameron Highlands pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

ta mahu mendapatkan publisiti murahan.

Beliau berkata, secara rasionalnya, tiada sebab munasabah untuk bekas Perdana Menteri itu bertanding di kawasan Parlimen berkenaan kerana jelas beliau tiada peluang menang.

"Memang janggal dengan tiba-tiba Dr Mahathir mahu bertanding di Parlimen Pekan, melainkan halnya mahu mendapat publisiti semata-mata. Memang sesiapa saja yang bertanding di kawasan itu secara tidak langsung akan mendapat publisiti besar.

"Apapun, itu adalah hak dia mahu bertanding (di Parlimen Pekan). Memang sudah kerja dia untuk mahu menghentam Najib sebenarnya," katanya.